

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang dibuat bagi mengesan ibu bapa yang tidak mendaftarkan anak kurang upaya termasuk penghidap autisme memandangkan rawatan intensif awal sebelum lima tahun amat penting diberikan kepada anak-anak dalam kategori ini bagi memperbaiki kemahiran sosial dan bahasa mereka.

## **JAWAPAN:**

Kanak-kanak autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Walau bagaimanapun, pendaftaran OKU masih dijalankan secara sukarela iaitu bagi OKU yang berhasrat untuk mendaftar sahaja seperti yang termaktub dalam Perkara 3(2)(c) Peraturan-Peraturan Orang Kurang Upaya (Pendaftaran dan Pengeluaran Kad OKU) 2010.

Pihak Kementerian Kesihatan memainkan peranan yang penting dalam pengesahan kanak-kanak OKU. Sekiranya seorang bayi atau kanak-kanak dikesan dan didiagnosa mengalami ketidakupayaan, pada mana-mana peringkat usia, anggota Kementerian Kesihatan termasuk pegawai perubatan dan jururawat berperanan untuk menasihatkan ibu bapa/penjaga kanak-kanak berkenaan mendaftarkan anaknya sebagai OKU. Sebagai usaha untuk membantu ibu bapa mengesan kemungkinan bayi atau anak mereka OKU, ibubapa/penjaga diberikan Buku Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak (0-6 tahun) selepas kelahiran anak. Buku Rekod ini memberi panduan, pengetahuan dan nasihat kepada ibubapa/penjaga dalam pelbagai aspek jagaan anak

termasuk pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak. Buku Rekod ini juga digunakan oleh anggota kesihatan untuk merekodkan jumpaan pemeriksaan serta status kesihatan bayi dan kanak-kanak. Senarai Semak M-CHAT (Modified – Checklist for Autism in Toddlers) yang terdapat di dalam Buku Rekod ini juga membantu pengesahan awal autisme seawal usia 18 bulan.

Pihak pengusaha taska juga memainkan peranan dalam pengesahan kanak-kanak OKU bagi kanak-kanak 4 tahun dan ke bawah.

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menggunakan beberapa kaedah untuk meningkatkan kesedaran tentang pendaftaran kanak-kanak OKU termasuk autisme kepada para ibu bapa menerusi pelbagai program *outreach* seperti:

- i. Penerangan tentang ketidakupayaan termasuk tentang autisme semasa Kempen Pendaftaran OKU;
- ii. Khidmat nasihat kepada ibu bapa yang memerlukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;

- iii. Rujukan kes kepada pakar / pegawai perubatan di daerah atau klinik kesihatan untuk pengesahan dan cadangan pemulihan; dan
- iv. Penerangan oleh pihak pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar di bawah JKM.